

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapat ia membantu; anda juga patut membacanya.

Pengendali Takaful	AmMetLife Takaful Berhad (AmMetLife Takaful)
Bakal Peserta	<Nama Peserta>
Nama Pelan	Waqaf Rider
Jumlah Perlindungan	RM<XXX>
Tarikh	DD/MM/YYYY

KETAHUI LEBIH LANJUT



Langkah 1 Apakah Rider Waqaf?

Rider **Waqaf** ialah rider individu dengan sumbangan berbayar yang menyediakan perlindungan selama <XX> tahun. Rider ini membolehkan anda menyumbang kepada masyarakat dengan cara yang lebih bermakna. Sekiranya anda meninggal dunia atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK), jumlah perlindungan rider ini akan diberikan kepada organisasi waqaf yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami.

Konsep Syariah yang diguna pakai:

- **Wakalah** – Semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka menguruskan pelan takaful berlandaskan prinsip Syariah. AmMetLife Takaful berhak menerima fi wakalah seperti yang dinyatakan dalam Ilustrasi Manfaat untuk menguruskan pelan ini.
- **Tabarru'** – Semua pemegang sijil bersetuju untuk menderma sebahagian tertentu daripada sumbangan yang telah dibayar ke dalam Dana Risiko Peserta-peserta (DRP) untuk tujuan saling menolong dan membantu bersama.
- **Qard** – Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula daripada lebihan yang terhasil daripada DRP pada masa hadapan.
- **Waqf** – Suatu pemberian secara sukarela, yang kekal dan tidak dapat ditarik balik daripada harta seseorang atau sebahagian daripadanya untuk tujuan agama, pendidikan atau kebajikan.

Langkah 2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM XX setahun, anda akan menerima perlindungan / manfaat berikut:

Rider Waqaf – Jumlah perlindungan rider ini akan meningkat sebanyak 10% daripada jumlah perlindungan awal setiap tahun ke-5 sijil, sehingga maksimum RM25,000. Apabila berlaku kematian atau HUMK, jumlah perlindungan ini akan diberikan kepada organisasi waqaf yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami.

Pengecualian – Pelan ini tidak melindungi jika peserta meninggal dunia atau HUMK disebabkan oleh perkara berikut:

Kematian :

- bunuh diri (sama ada semasa waras atau tidak) dalam tempoh 1 tahun dari tarikh kuatkuasa; atau
- di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau
- jika kematian disahkan oleh sebab keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan pertama sijil.

HUMK :

- cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau
- di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau
- keadaan sedia ada atau hilang upaya yang bermula atau dihadapi sebelum tarikh perlindungan sijil.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pelan anda, anda boleh:



Tulis Kepada Kami



1 300 22 9777



ammetlifetakaful.com



customercare@ammetlifetakaful.com

Langkah 3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk perlindungan perubatan dan kesihatan, anda perlu membayar sumbangan¹ sebanyak:

Sumbangan : RM<XXX> <bulanan/suku tahunan/separuh tahunan/tahunan> Tempoh Bayaran: <XX> tahun

Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:

Fi Wakalah	Jumlah Fi Wakalah yang anda perlu bayar adalah RM<xxx.xx> atau <xxx.xx>% daripada jumlah sumbangan anda sepanjang tempoh sijil yang merangkumi jumlah komisen ejen sebanyak RM<yyy.yy> atau <yyy.yy>% serta jumlah perbelanjaan pengurusan sebanyak RM<zzz.zz> atau <zzz.zz>%.
------------	--

Tabarru'	Amaun tabarru' akan ditolak secara bulanan dari DPP anda dan akan diperuntukkan ke dalam DRP. Amaun tabarru' ini akan meningkat berdasarkan umur anda.
<p><small>¹ Jumlah Sumbangan mungkin berbeza-beza bergantung kepada keperluan pengunderaitan kami. AmMetLife Takaful memperuntukkan sebahagian daripada sumbangan ke dalam DPP anda. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan (fi wakalah) akan digunakan untuk membayar komisen kepada ejen dan perbelanjaan lain AmMetLife Takaful. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada kadar peruntukan yang diberikan dalam Ilustrasi Manfaat.</small></p>	

Langkah 4

Terma dan Syarat Yang Lain

Kepentingan membuat pendedahan – Anda perlu mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur/tarikh lahir anda dengan betul. Jika tidak Sijil Takaful anda mungkin terbatal.

Had keatas Manfaat HUMK – Manfaat HUMK akan tamat dengan serta merta pada tarikh ulang tahun sijil selepas peserta berumur 70 tahun. Jumlah keseluruhan manfaat HUMK setelah ditolak DPP yang akan dibayar bagi semua sijil AmMetLife Takaful adalah terhad kepada RM 2 juta.

Tempoh Tangguh – Anda mempunyai 30 hari dari tarikh akhir sumbangan untuk membuat pembayaran. Jika anda tidak membayar sumbangan anda dalam tempoh 30 hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar, sijil anda akan terus berkuatkuasa selagi jumlah DPP mencukupi untuk menampung nilai Tabarru' dan caj lain. Jika tidak, sijil anda akan luput.

Sijil Luput – Sijil akan luput apabila jumlah di dalam DPP tidak mencukupi untuk menampung amaun tabarru' dan lain-lain caj.

Sumbangan Tidak Dijamin – Kadar sumbangan TIDAK DIJAMIN dan boleh disemak semula dengan memberi sekurang-kurangnya 30 hari notis lebih awal kepada anda.

Perubahan Butiran untuk Dihubungi – Anda perlu memberitahu kami jika terdapat perubahan kepada butiran untuk menghubungi anda/penama anda untuk memastikan semua maklumat terkini sampai kepada anda/penama anda tepat pada masanya.

Tuntutan – Maklumkan kepada kami dengan kadar segera jika anda ingin membuat tuntutan di bawah sijil anda. Kami akan membimbing anda tentang dokumen yang perlu diserahkan bagi memproses tuntutan anda.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.



Bolehkah saya membatalkan Sijil saya?

Tempoh Rujukan Percuma – Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil ini, anda boleh membatkalkannya dengan memberitahu kami secara bertulis dalam tempoh 15 hari selepas menerima sijil ini. Kami akan memulangkan semula sumbangan yang telah dibayar ditolak fi pemeriksaan perubatan yang ditanggung, jika ada.

Pembatalan – Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan menghantar notis bertulis kepada kami. Perlu diingat bahawa amaun yang anda terima akan jauh lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang dibayar.

Manfaat-manfat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilidungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).